

By Berita Harian, 2 Februari 2021

## Bioeconomy Corporation lantik Pengerusi baharu



Oleh Wartawan BH - Februari 2, 2021 @ 1:08pm  
bhbiz@nsp.com.my



Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid.

KUALA LUMPUR: Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melantik Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid sebagai Pengarah dan Pengerusi berkuatkuasa 25 Januari 2021.

Iskandar Dzulkarnain yang dilantik oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menggantikan Datuk Seri Masidi Manjun yang meletak jawatan pada 29 September 2020.

Dengan pengalaman selama 20 tahun dalam dunia korporat, beliau menerajui syarikat dalam pelbagai sektor termasuk harta tanah dan pelaburan harta tanah, pembangunan perumahan, pelancongan, infrastruktur, telekomunikasi serta perkhidmatan kewangan.

Beliau kini memegang jawatan pengarah di Miqhail Holdings Sdn Bhd, Property Builder (Kuala Kedah) Sdn Bhd dan PT Pinang Witmas Sejati selain menjadi Pengerusi Perak Agro Oil Palm (Argoto Sdn Bhd).

Iskandar Dzulkarnain juga adalah Ketua Bahagian Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Kuala Kangsar sejak 2019 dan ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU pada 2020.

Pada 2019, beliau dilantik sebagai ahli lembaga pengarah Royal Perak Golf Club dan Bendahari Persatuan Bola Sepak Perak (PAFA).

Beliau adalah bekas Setiausaha Politik Ketua Menteri Perak dari 2018 hingga 2020.